



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR

SIJIL PENDIDIKAN MRSMA 2024

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **dua** soalan dalam **Bahagian B**.
3. Jawapan hendaklah ditulis pada **Buku Jawapan** yang disediakan.
4. Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.
5. Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.
7. Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah]

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan

1(a) Nyatakan entiti perniagaan berdasarkan maklumat berikut.

	Ciri-ciri Perniagaan	Entiti Perniagaan
(i)	- Modal disumbangkan oleh beberapa orang pemilik perniagaan. - Diuruskan oleh pemilik perniagaan yang aktif.	
(ii)	- Modal dikumpul daripada orang awam melalui terbitan syer. - Diuruskan oleh Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan.	

[2 markah]

1(b) Dokumen berikut diambil daripada Kedai Elektrik Rahmat.

Tarikh	: <u>12 Februari 2024</u>
Penerima	: <u>Kedai Elektrik Rahmat</u>
Untuk	: <u>Kegunaan pejabat</u>
Baki Akhir	7 000 00
Deposit	3 300 00
Jumlah	10 300 00
Cek ini	5 200 00
Baki	5 100 00
KWB	677821

(i) Nyatakan amaun cek yang dibayar.

(ii) Nyatakan urus niaga yang berlaku di 1(b)(i).

[2 markah]

1(c) Nyatakan **dua** fungsi Imbangan Duga.

[2 markah]

1(d) Maklumat berikut diambil daripada Yaya Enterprise.

Belanja membaiki kenderaan bernilai RM2 850 telah tersilap catat dalam Akaun Kenderaan

Betulkan kesilapan tersebut menggunakan Jurnal Am (*abaikan keterangan*).

[2 markah]

1(e) Rajah 1 menunjukkan sebuah organisasi.



Berikan **dua** sumber kewangan organisasi tersebut.

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah]

- 2 Aida dan Suha merupakan pekongsi bagi Perkongsian AS yang menyediakan perkhidmatan taska dan membekal kit permainan kanak-kanak di Seri Gading, Johor.

Berikut baki-baki berkaitan ekuiti perkongsian pada 31 Ogos 2024:

	Akaun Modal RM	Akaun Semasa RM	Ambilan RM
Aida	70 000	2 500 (dt)	12 000
Suha	35 000	3 790	13 000

Ikatan Perjanjian Perkongsian AS	
• Faedah atas ambilan 10% setahun	• Faedah atas modal 5% setahun
• Faedah atas pinjaman 8% setahun	• Gaji tahunan Aida ialah RM30 000
• Nisbah untung rugi Aida dan Suha ialah 2:1	

Maklumat berikut dipetik daripada buku perakaunan perkongsian pada 31 Ogos 2024:

	RM
Perabot taska (kos)	80 000
Susut nilai terkumpul perabot taska	21 000
Alat permainan taska	7 650
Inventori akhir	60 000
Akaun Belum Terima	78 300
Akaun Belum Bayar	18 321
Peruntukan hutang ragu	1 750
Bank	50 256
Pinjaman Aida	20 000
Untung kasar	246 265
Komisen diterima	2 790
Gaji	63 500
Belanja pentadbiran	25 360
Sewa dibayar	16 600
Insurans	1 800
Kadar Bayaran	5 160
Faedah atas pinjaman Aida	1 000

Maklumat tambahan:

- (i) Gaji yang dibayar adalah termasuk gaji Aida RM12 500.
- (ii) Belanja pentadbiran belum bayar RM350.
- (iii) Insurans yang dibayar adalah untuk setahun berakhir 31 Disember 2024.
- (iv) Peruntukan hutang ragu adalah 2% atas baki Akaun Belum Terima.
- (v) Polisi susut nilai aset bukan semasa adalah seperti berikut:

Perabot taska	10% setahun kaedah ansuran tetap
Alat permainan taska	- Kaedah penilaian semula - Baki awal alat permainan taska ialah RM9 440

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Untung Rugi dan Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024. [12 markah]
- (b) Akaun Semasa Pekongsi (beruangan). [6 markah]
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2024. [7 markah]

[Lihat halaman sebelah]

- 3 Kilang Minyak Gamat MR telah beroperasi di Langkawi, Kedah selama 10 tahun. Sepanjang tempoh perakaunan 31 Disember 2023, maklumat berikut telah diperoleh.

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Alat- alat kecil	3 400	21 000
Kerja dalam proses	182 000	186 000
Inventori bahan langsung	320 000	200 000
Inventori barang siap	550 000	410 000

Urus niaga yang berikut telah berlaku bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

	RM
Jualan barang siap	2 950 000
Belian bahan langsung	360 000
Belian barang siap	320 000
Pulangan bahan langsung	28 000
Mesin kilang	1 900 000
Susut nilai terkumpul mesin kilang	190 000
Promosi	66 000
Upah buruh langsung	510 000
Angkutan keluar	46 000
Bank	770 000
Angkutan masuk bahan langsung	73 000
Belanja am kilang	30 000
Gaji pekerja pembersihan kilang	150 000
Gaji jurujual	212 400
Belanja penyelenggaraan	254 000
Insurans	130 000
Belian alat-alat kecil	22 000
Kadar bayaran	92 000
Minyak pelincir kilang	204 000

Maklumat tambahan:

(i) Upah buruh langsung termasuk royalti kilang sebanyak RM4 800.

(ii) Belanja belum bayar:

- Belanja am kilang RM1 600
- Upah buruh langsung RM40 000

(iii) Polisi susut nilai aset bukan semasa adalah seperti berikut:

Mesin kilang	20% setahun kaedah garis lurus
--------------	--------------------------------

(iv) Agihan perbelanjaan:

	Kilang (%)	Pejabat (%)
Insurans	70	30
Kadar bayaran	80	20
Belanja penyelenggaraan	60	40

(v) Sewa bulanan kilang RM5 000.

(vi) Angkutan masuk bahan langsung termasuk angkutan masuk barang siap RM10 000.

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [18 *markah*]

(b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [7 *markah*]

[Lihat halaman sebelah]

Bahagian B[40 *markah*]*Jawab dua soalan sahaja*

- 4(a) DFM Enterprise telah menerima penyata bank bagi bulan Jun 2024 yang menunjukkan baki akhir overdraf sebanyak RM3 240. Baki ini berbeza dengan baki yang ditunjukkan di dalam buku tunainya pada tarikh yang sama iaitu RM1 810. Setelah diteliti, didapati perbezaan itu disebabkan oleh perkara-perkara berikut:
- (i) Cek diterima daripada Emir Trading sebanyak RM5 340 pada 23 Jun 2024 belum dikreditkan oleh bank.
 - (ii) Sekeping cek yang dibayar kepada Pembekal Raju berjumlah RM11 350 belum dikemukakan.
 - (iii) Dividen telah dikreditkan ke dalam akaun bank DFM Enterprise sebanyak RM1 850.
 - (iv) Cek bernilai RM2 800 kepada Pembekal AiGarage telah didebitkan oleh bank tetapi direkodkan di sebelah debit Buku Tunai.
 - (v) Caj perkhidmatan bank berjumlah RM390 telah didebitkan dalam Penyata Bank.
 - (vi) Bank telah membayar insurans berjumlah RM2 120 atas perintah sedia ada.
 - (vii) Cek yang diterima daripada Idaman Sari bernilai RM4 800 ditanda “Rujuk Penyuruh Bayar”.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2024 (tanpa mengemaskini Buku Tunai).

[10 *markah*]

4(b) Maklumat berikut diperoleh daripada Butik Daniyaz pada 30 April 2024.

	RM
Untung kasar	15 480
Jualan	50 920
Belanja operasi	8 480
Akaun Belum Terima	10 000
Akaun Belum Bayar	4 750
Overdraf Bank	6 000
Aset Bukan Semasa	120 800
Inventori pada 1 Mei 2023	7 000
Inventori pada 30 April 2024	13 000
Modal pada 1 Mei 2023	85 000

Anda dikehendaki menghitung (jawapan dalam dua tempat perpuluhan):

- (i) Peratus untung kasar atas kos jualan [2 markah]
- (ii) Pulangan atas modal [2 markah]
- (iii) Nisbah semasa [2 markah]
- (iv) Nisbah ujian asid [2 markah]
- (v) Kadar pusing ganti inventori [2 markah]

[Lihat halaman sebelah]

- 5(a) Perniagaan Mualim memulakan perniagaan dengan menjual sayur-sayuran pada 1 Januari 2022. Beliau merekod menggunakan sistem catatan tunggal. Maklumat berkaitan perniagaan adalah seperti berikut.

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Kenderaan (Kos) (1 Januari 2022)	30 000	30 000
Kelengkapan	5 000	?
Inventori	5 800	11 200
Akaun Belum Terima	2 800	3 100
Akaun Belum Bayar	3 000	4 500
Bank	19 000	26 500

Maklumat tambahan:

- (a) Pada 1 Januari 2023, pemilik telah membawa masuk kelengkapan peribadi bernilai RM4 000 untuk kegunaan perniagaan.
- (b) Pemilik membuatambilan barang niaga bernilai RM800 untuk kegunaan keluarganya.
- (c) Peruntukan hutang ragu diwujudkan sebanyak 5% atas baki Akaun Belum Terima bersih.
- (d) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Penyata Mengira Modal pada 31 Disember 2023 [4 markah]
- (ii) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 [4 markah]
- (iii) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 [6 markah]

- 5(b) Pada 1 Januari 2021, Perniagaan Bakti telah membeli sebuah kenderaan yang berharga RM60 000. Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas nilai buku. Pada 31 Disember 2023, kenderaan tersebut dijual pada harga RM45 000 dan wang telah dikreditkan ke dalam bank.

Anda dikehendaki menyediakan akaun berikut bagi tahun 2023:

- | | |
|--|--------------------|
| (i) Akaun Kenderaan | [1 <i>markah</i>] |
| (ii) Akaun Susut Nilai Berkumpul Kenderaan | [2 <i>markah</i>] |
| (iii) Akaun Pelupusan Kenderaan | [3 <i>markah</i>] |

[Lihat halaman sebelah]

- 6(a) Syarikat Megah Holding Berhad merupakan syarikat yang berkembang maju dalam bidang hiasan dalaman.

Pada 16 Januari 2023, syarikat telah menerbitkan 3 000 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 2 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer kepada orang awam. Semua syer itu telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh tutup permohonan pada 31 Januari 2023.

Pada 31 Julai 2023, syarikat telah memutuskan untuk membayar dividen interim kepada pemegang Syer Keutamaan dan Syer Biasa pada kadar 2%.

Pada 31 Disember 2023, Lembaga Pengarah syarikat telah memutuskan pembayaran dividen akhir kepada pemegang Syer Keutamaan dan RM0.03 sesyer kepada pemegang Syer Biasa. Tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun.

Anda dikehendaki menghitung:

- | | |
|------------------------------------|------------|
| (i) Dividen interim Syer Keutamaan | [2 markah] |
| (ii) Dividen interim Syer Biasa | [2 markah] |
| (iii) Dividen akhir Syer Keutamaan | [2 markah] |
| (iv) Dividen akhir Syer Biasa | [2 markah] |

6(b) Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Alat Tulis Gemilang.

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2023 Sept 1	Tunai	1 500	
	Bank	12 000	
	Inventori	1 900	
	Perniagaan Haziq	630	
	Perniagaan Osman	3 000	
	Pembekal Alat Tulis Murni		1 500
	Pembekal Chai Guan		4 550
	Modal		12 980
	(Aset, liabiliti dan ekuiti pemilik pada tarikh ini)	19 030	19 030
Sept 17	Hutang lapuk Perniagaan Haziq (Hutang lapuk dihapuskan)	630	630
Sept 20	Perniagaan Melati Diskaun diberi (Diskaun diberi dibatalkan)	200	200

Jurnal Jualan		
Tarikh	Butir	Jumlah
2023		RM
Sept 3	Perniagaan Aiman	15 000
8	LCK Trading	8 290
15	Perniagaan Melati	9 000
30	Akaun Jualan	32 290

Jurnal Belian		
Tarikh	Butir	Jumlah
2023		RM
Sept 5	Pembekal Alat Tulis Murni	4 700
10	Pemborong Musfirah	4 825
18	Pembekal Chai Guan	3 800
30	Akaun Belian	13 325

[Lihat halaman sebelah]

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Diskaun Diberi	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun Diterima	Tunai	Bank
2023		RM	RM	RM	2023		RM	RM	RM
Sept 1	Baki b/b		1 500	12 000	Sept 6	Belian		6 500	
8	Perniagaan Osman			3 000	18	Pemborong Musfirah	170		4 655
12	Jualan		11 900		20	Perniagaan Melati			8 800
16	LCK Trading	290		8 000	23	Pembekal Chai Guan			4 350
18	Perniagaan Melati	200		8 800	30	Baki h/b		6 900	21 495
28	Perniagaan Aiman			7 500					
		490	13 400	39 300			170	13 400	39 300
2023									
Okt 1	Baki b/b		6 900	21 495					

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Kawalan Belum Terima
(ii) Akaun Kawalan Belum Bayar

[7 markah]

[5 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Halaman Kosong